

Malaysia ingin tahu asas GSP ditarik balik

KUALA LUMPUR 4 Feb. — Malaysia ingin mengetahui asas-asas yang digunakan oleh Kesatuan Eropah (EU) untuk menarik balik status Skim Keutamaan Am (GSP) bagi membolehkan ia membuat penyesuaian, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun beliau mengakui pada satu hari kelak, Malaysia tidak akan diberi kemudahan berkenaan tetapi ingin mengetahui apakah asas-asas yang digunakan untuk membuat pertimbangan supaya keistimewaan tersebut digugurkan.

“Kita nak tahu apakah asas-asas yang digunakan untuk membuat pertimbangan itu (gugur skim GSP).

“Jadi kalau dapat itu, barulah dapat sesuaikan diri dan kita buat rayuan,” kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini, hari ini.

Beliau yang juga Presiden UMNO menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini yang antara lain menyebut baha-

wa EU akan mengenakan syarat-syarat baru yang lebih ketat bagi membolehkan negara-negara yang disenaraikan sebagai penerima skim GSP termasuk Malaysia terus layak menikmati kemudahan berkenaan.

Antara syarat-syarat baru tersebut termasuklah negara-negara terbabit dikehendaki meningkatkan kualiti pembangunan menerusi dasar-dasar alam sekitar dan sosial yang lebih terbuka.

Rabu lalu, Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia memerlukan masa yang lebih lama sebelum skim tersebut ditarik balik memandangkan ia masih merupakan sebuah negara membangun dan tidak mempunyai daya saingan kompetitif seperti negara-negara maju.

Status Malaysia sebagai penerima GSP EU akan berakhir sepenuhnya pada Disember 1997.

Selepas tarikh berkenaan semua eksport Malaysia ke pasaran Eropah tidak lagi akan diberi pengecualian cukai atau keistimewaan duti import yang rendah.

Dalam pada itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Indus-

tri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang turut menghadiri mesyuarat MT berkata, Malaysia dan negara membangun yang lain akan bersama-sama menentang tindakan EU untuk memasukkan fasal yang tidak bersangkut-paut.

Beliau memberitahu, walaupun kesatuan tersebut berhasrat mengenakan syarat-syarat baru tetapi Malaysia masih mempunyai masa untuk melobi supaya kemudahan berkenaan dikekalkan.

Kata beliau, sektor industri seharusnya bersiap sedia sekiranya skim berkenaan yang dinikmati sejak tiga dekad lalu digugurkan.

“Kita memang tidak bersetuju dimasukkan mana-mana fasal di luar hal ehwal perdagangan dalam menentukan skim GSP.

“Kita seharusnya ada daya saing walaupun satu hari nanti skim GSP ditarik balik. Bagaimanapun pada pandangan saya tidak semua sektor yang akan menghadapi kesan daripada tindakan tersebut,” katanya.